

Mahasiswa perlu mantapkan diri dengan kemahiran baru

Nst 1.4.2018 4

KOTA KINABALU: Para mahasiswa perlu bersedia untuk sentiasa memantapkan diri dengan pelbagai kemahiran baharu sebagai suatu nilai tambah.

Atas tujuan tersebut, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Bengkel Penulisan Berita di Bilik Seminar, Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS di sini, pagi kelmarin.

Exco Publisiti dan Kewartawanannya, Masran Tamin berkata, program tersebut adalah kesinambungan hala tuju MPP UMS untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswanya.

“Bengkel itu bertujuan untuk memperkasa kemahiran penulisan unit publisiti bagi kelab, persatuan dan jawatan-kuasa kebagikan mahasiswa yang terdapat di UMS.

“Melalui program ini juga, mahasiswa dapat memperbai-



GAMBAR KENANGAN ... Para peserta bergambar kenangan selepas tamat bengkel.

ki mutu penulisan selain mempunyai motivasi yang tinggi untuk menghasilkan penulisan berita yang baik,”

katanya.

Bengkel sehari itu disertai seramai 16 orang siswa dan siswi telah didedahkan men-

genai motivasi penulis, pengurusan media, kod etika kewartawanan dan konsep serta asas penulisan berita.